

Kedah sahkan 4 empangan utama stabil

Alor Setar: Kerajaan negeri mengesahkan paras air di empat empangan utama di Kedah adalah stabil, sekali gus menafikan gangguan bekalan yang berlaku di Pokok Sena dan Padang Terap beberapa hari lalu, berpunca daripada kekurangan air di empangan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga serta Badan-Badan Bukan Kerajaan negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata sebaliknya gangguan yang berlaku di dua daerah terbabit berpunca daripada tekanan rendah susulan penggunaan secara mendadak ketika musim perayaan.

"Air di Empangan Beris di Sik, selain Pedu, Ahning dan Muda berada pada tahap stabil, maka rakyat tidak perlu panik kerana empangan ini mampu menjana bekalan air untuk tempoh panjang.

"Masalah bekalan air di beberapa penempatan di daerah Pokok Sena dan Padang Terap, adalah masalah biasa yang berlaku setiap kali musim perayaan," katanya selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka anjuran Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS), di sini, semalam.

Badrol Hisham berkata masalah itu dijangka mampu diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh dua tahun selepas pembinaan Loji Air Pokok Sena di Jabi menjelang hujung tahun ini selesai.

Katanya, dengan kos keseluruhan ber-
+ jumlah RM50 juta, projek itu kini sudah melalui proses pengambilan tanah dan lantikan kontraktor sebelum kerja pembinaan dimulakan.